

# Tanggungjawab Sosial Korporat



Kiri: **September 2008** Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim menyampaikan replika cek yang menandakan jumlah sumbangan kepada Encik Zawawi Ramli, Naib Pengerusi, Rumah Amal Limpahan Kasih (kanan) dan Puan Rabaah Abdul Aziz (paling kanan).

Kumpulan AmBank terus melaksanakan tanggungjawabnya sebagai warga korporat dengan menjalankan inisiatif yang menumpu kepada pasaran, komuniti, tempat kerja dan persekitaran.

## Tanggungjawab Kepada Persekitaran

'AmAssurance Goes Digitally Green' merupakan usaha memperkenalkan operasi tanpa kertas, dengan menyediakan komputer riba buat petugas menggantikan proses-proses kerja berasaskan kertas, dan membenarkan pelanggan mencapai maklumat insurans hayat melalui portal AmPrestige.

Kumpulan AmBank menaja Unta Dromedary di Zoo Negara untuk tahun ke-24 berturut-turut dengan sumbangan RM40,000.

Poster dipamerkan dengan meluas di semua cawangan perniagaan kumpulan, mengalakkan penjimatan penggunaan elektrik, dengan pemadaman sepenuhnya dalam tempoh tidak beroperasi. Tambahan lagi, kertas-kertas yang digunakan di kitar semula, dengan cetakan di kedua-dua muka kertas, mengurangkan cetakan berwarna, dan mengalakkan komunikasi elektronik. Katrij pencetak dan komputer di kitar semula atau dilupuskan dengan kaedah bertanggungjawab. Kumpulan ini juga memfokus kepada perniagaan dengan organisasi yang turut mengutamakan amalan mesra alam.

Dalam mempromosikan udara bersih dan kesihatan am kakitangan, Bangunan Kumpulan AmBank, Menara AmBank dan Kumpulan AmBank Leadership Centre telah diisytihar kawasan larangan merokok sepenuhnya. Pelanggan juga dapat menikmati ketenangan persekitaran di premis Kumpulan, sambil menjalankan urusan.

## Tanggungjawab kepada Pasaran

Sepanjang tahun kewangan, rangkaian luas produk dan perkhidmatan Kumpulan melihat beberapa pengenalan baru yang mempamerkan inovasi dan kemajuan dalam sektor masing-masing di pasaran.

Ini termasuk AmTriple Opportunities FRNID (Floating Rate Negotiable Instrument of Deposit), yang memberikan pulangan berkait dengan prestasi terbaik tiga Indeks Dinamik yang matang. Waran 'zero strike' untuk saham Kelas B Berkshire Hathaway Inc merupakan yang pertama buat AmInvestment Bank, dalam segmen itu.

AmBank, cawangan perbankan runcit Kumpulan melancarkan Pakej Penyelesaian Family First, yang menawarkan rangkaian lengkap produk-produk dan perkhidmatan yang mampu memenuhi segala aspek keperluan kewangan keluarga.

Perniagaan pertukaran asing baru, kadar faedah dan terbitan komoditi, dilancarkan sempena kerjasama dengan rakan kongsi Kumpulan, Australia and New Zealand Banking Group ("ANZ") yang akan menyumbang kepada perkembangan segmen ini di pasaran Malaysia.

Perkongsian pengetahuan dan kepakaran termasuk penajaan, penganjuran dan ucapan di persidangan dan forum termasuk Asian Mergers & Acquisitions 2008 Conference yang kedua, Malaysian Islamic Finance 2008 Issuers and Investors Forum, seminar bertajuk "Global Update on Sukuk: Post AAOIFI Pronouncement", di Malaysian Banking Summit 2008, Brunei Islamic Finance News Forum, MIA-Bursa Malaysia Business Conference 2008 (Penaja Utama), National Accountants Conference (Penaja Perak), dan persidangan Kebangsaan Pentadbiran Harta Benda, Wasiat dan Waqaf.

Kumpulan mempamerkan fokus pada sektor SME dengan mengambil bahagian dalam pameran tahunan ke-11 SMIDEX, yang dianjurkan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia.

Perkongsia da kerjasama dibentuk untuk mengukuhkan lagi rangkaian Kumpulan dan memperkenalkan produk-produk lebih bagus kepada pasaran dengan kelebihan kepakaran yang terkongsi. Ini termasuk langkah Friends Provident plc membeli pegangan 30.0% dalam AmLife Insurance Berhad.

Kumpulan melancarkan perkhidmatan pembrokeran Islam untuk pelanggan yang mahukan amalan yang mematuhi Syariah dalam segmen ini. Langkah lain untuk mempromosikan produk Islam termasuk AmHigh Takaful Investment Linked Plan yang menawarkan peluang pelaburan yang berteraskan Syariah, samada untuk persediaan alam persaraan, pelajaran mahupun menjana kekayaan.

## Tanggungjawab Kepada Masyarakat

Dengan Kumpulan AmBank sebagai Bank Rasmi bagi Olympic Council of Malaysia, Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim membanggakan negara dengan menjadi salah seorang pembawa obor untuk Beijing 2008 Olympics Torch Run di peringkat Kuala Lumpur, tanggal 21 April.

## Persediaan Mengemudi Bakat-Bakat Baru Yang Meningkat

Kumpulan AmBank terus dalam misinya memberikan penekanan kepada golongan muda, dan untuk membangunkan bakat yang ada, supaya mencapai kecemerlangan dalam bidang yang diceburi. AmBank (M) Berhad menyumbang RM10,000 dan 300 kad NexG iTalk sebagai penaja utama acara 4th Asian Universities Debating Championship 2008. Ia juga Anggota Piagam selama tiga tahun untuk SportExcel, dalam menyediakan pentas pembangunan sukan untuk belia, melalui sumbangan RM45,000 kepada yaysan itu. Pada masa sama, Kumpulan juga menyumbang RM26,860 untuk kejohanan Kumpulan AmBank-Crest Link-Sport Excel International Junior Golf Championship 2008 dan Peringkat Akhir National Junior Golf Circuit 2008. Sebagai penaja utama, Kumpulan AmBank menyumbang RM200,000 untuk Selangor Masters Golf Tournament dianjurkan di Seri Selangor Golf Club.

## Memberi Kasih Sayang Kepada Mereka Yang Memerlukan

Kumpulan AmBank meneruskan usahanya dengan membawa 80 kanak-kanak dari tiga rumah amal iaitu, Rumah Anak-anak Yatim Darul Izzah, Rumah Amal Limpahan



Kiri: **November 2008** Kakitangan Kumpulan AmBank mengharungi rintangan di AmBank Eco Challenge IX.

Kanan: **Disember 2008** Sekumpulan kanak-kanak mengibarkan bendera negara-negara berbeza untuk melambangkan keamanan dan perpaduan di Jamuan Makan Malam Amal Diraja untuk menyokong usaha yang dijalankan oleh Kuala Lumpur Foundation to Criminalise War.



Kasih dan Tara Bharan Home menyaksikan pertunjukan khas Disney on Ice, "Mickey and Minnie's Magical Journey". Kanak-kanak dan belia dari Rumah Limpahan Kasih, Perkampungan Orang Asli, Sungai Rasau, Puchong, dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Puchong berseronok sehabian di Taman Tema Sunway Lagoon. Bantuan kepada yang kurang bernasib baik diberikan dalam bentuk hamper buat 90 keluarga, dan tambahan wang tunai RM200 untuk enam keluarga di Kampung Orang Asli Sungai Rasau, Puchong. Sementara itu, 215 kanak-kanak dinamakan penerima untul bantuan dari sijil deposit tetap AmBank yang disumbangkan oleh Tabung Warisan Anak Selangor. Cek bernilai RM5,000 turut disampaikan kepada Rumah Bethany, yang menjaga kanak-kanak berkeperluan istimewa. Dan acara Asia Oceania Committee Volleyball for the Disabled ("AOCVD") diberikan RM50,000 untuk membantu operasi hariannya.

Sebuah mesin dialisis bernilai RM37,700 disampaikan kepada Klinik Waqaf An-Nur di Johor Bahru, dengan sumbangan RM25,000 dari Tunku Azizah Fertility Foundation, sumbangan RM20,000 kepada Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia dan pakej bantuan Hari Raya Aidilfitri bernilai RM10,000 untuk Pasukan Bersenjata Negara antara contoh usaha amal Kumpulan. Tambahan lagi, AmIslamic Bank menyumbangkan zakat perniagaannya sebanyak RM150,000 kepada Rumah Amal Limpahan Kasih untuk membantu aktiviti hairan termasuk pembelian van 14 tempat duduk bernilai RM98,000.

Untuk tahun kesembilan berturut-turut, Kumpulan AmBank mengambil bahagian dalam acara The Edge-Bursa Malaysia Kuala Lumpur Rat Race 2008, yang berjaya mengumpul RM1,755,000 untuk sejumlah 20 organisasi amal. Kempen "Drive Safely. We Care" yang kedua oleh AmAssurance terus membantu mempromosi dan mendidik pengguna jalanraya di Malaysia tentang keselamatan jalanraya.

AmBank menandatangani perjanjian strategik dengan 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd untuk

memasang 400 mesin ATM di kedai-kedai 7-Eleven seluruh negara. Dengan mengambil kira keperluan warga i-City seluas 72 ekar, AmBank menandatangani MOU dengan I-Berhad sebagai Rakan Kongsi Strategik Pintar dan menawarkan mereka produk dan perkhidmatan kewangan terbaru.

Untuk mempromosikan perpaduan negara dalam suasana perayaan, konsert Ambang 2009 Kuala Lumpur dianjurkan untuk menyambut tahun baru dengan barisan artis terkenal tanahair di Dataran Merdeka. Malah, sempena merayakan ulangtahun Merdeka ke-51, Kumpulan menaja pertunjukan bunga api selama 10 minit dan 50,000 belon, juga di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Perdana Menteri merupakan Tetamu Kehormat di kedua-dua acara. Sekali lagi, pertunjukan bunga api diadakan sempena acara Declaration of the Credentials untuk deklarasi Melaka dan Georgetown diberi status World Heritage City dari UNESCO di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Sebanyak RM100,000 disumbangkan sebagai tanda sokongan Kumpulan sempena acara Jamuan Makan Malam Amal Diraja untuk Kuala Lumpur Foundation to Criminalise War.

### Tanggungjawab Ke Atas Tempat Kerja

Kumpulan AmBank mengambil berat kebajikan kakitangannya, dan sentiasa menekankan pembangunan mereka, keperluan rekreasi serta membuatkan mereka rasa sebahagian dari "keluarga" AmBank.

Acara Hari Keluarga dipenuhi keseronokan dan permainan untuk kakitangan dan ahli keluarga mereka dalam Kumpulan AmBank. Acara diadakan di Desaru Golden Beach Resort di Johor Bahru dan juga Clearwater Sanctuary Golf Resort di Batu Gajah, Perak serta mengambil kesempatan meraikan tempoh perkhidmatan panjang buat kakitangan yang sudah berkhidmat 15, 20 dan 25 tahun dengan Kumpulan.

Kakitangan juga banyak pilihan untuk mengikuti program latihan. Antara kursus yang ditawarkan termasuk aplikasi Microsoft,

dan juga kursus berorientasikan sasaran khas seperti "Delivering Work Excellence", "People Turnaround" (untuk menangani cabaran dari individu), "Managing Personal Finance in Difficult Times" dan "Coaching and Mentoring Skills for Performance". Program AmAzang Sales pula diadakan untuk menekankan budaya Jualan Runcit yang lebih kukuh, serta untuk mempromosikan pengetahuan mendalam dalam kepakaran tertentu, kakitangan juga menghadiri kursus khas seperti "Chartered Islamic Finance Professional" dan "Fundamentals of Islamic Capital Markets".

Untuk menggalakkan kemahiran berkomunikasi dan menekankan ciri-ciri kepimpinan, Kelab Toastmasters Kumpulan AmBank mengiatkan aktiviti.

Banyak pertandingan dan acara sukan dan luaran diadakan sepanjang tahun. Untuk menggalakan sikap kompetitif secara sihat serta mempromosikan sikap bersatu, pekerja diberi peluang meyertai kejohanan snuker, futsal, bolasepak, golf, badminton, bowling (acara yang menjana derma RM5,000 untuk Majlis Paralimpik Malaysia). Kejohanan cabaran fizikal yang lebih berat menyaksikan pasukan-pasukan yang berentap dalam sukan paintball serta go-kart.

Acara Malaysian Investment Banking Association ("MIBA") Athletics Meet ke-25 di Bangi menyaksikan AmInvestment Bank Group muncul juara keseluruhan, dengan kontinjen 103 atlit memenangi 24 pingat Emas, 11 Perak dan sembilan Gangsa. Malah kontinjen kumpulan turut muncul juara keseluruhan di Temasya MIBA 2008 untuk kali ke-22.

Tambahan lagi, acara popular AmBank Eco Challenge dianjurkan buat kali kesembilan di Nur Lembah Pangsun Eco Resort, Ulu Langat, Selangor dengan peserta terlibat dalam cabaran ketahanan dalam persekitaran hutan. Pertandingan tahunan AmBagus talentime menarik penyertaan hangat dari kakitangan yang mahu menyaksikan rakan kerja menari dan menyanyi di pentas.